

MENGURUS DAN MENGHADIRI PELBAGAI KERAIAN

Keraian adalah meliputi empat aspek, iaitu:

1. Koktel (*cocktail*)
2. Jamuan di rumah
3. Jamuan di luar rumah
4. Jamuan secara buffet (*buffet*).

Koktel

- i. Merupakan satu jamuan ringan yang biasanya diadakan dalam tempoh dua jam iaitu sebelum waktu makan dan waktu yang sesuai ialah antara jam 5.00 petang hingga 7.00 malam.
- ii. Boleh diadakan dalam rumah jika ada ruang yang luas.
- iii. Tujuan utama adalah untuk meluaskan dan merapatkan perhubungan, terutamanya antara mereka yang mempunyai lapangan atau bidang yang sama.
- iv. Jemputan bagi majlis koktel ini biasanya diedarkan dalam tempoh yang singkat dan

jika sempat menjawab hendaklah dijawab dan jika tidak sempat menjawab dengan kad, maka hendaklah dijawab melalui telefon.

- v. Pakaian tidaklah begitu formal, memadai pakaian kerja jika tidak dapat balik dari pejabat kerana kesuntukan masa.
- vi. Elakkan dari bersendirian. Bertemulah dan bercakap dengan seramai-ramai tetamu lain.
- vii. Apabila tuan rumah berada di pintu keluar atau menghampiri pintu keluar, ini menandakan waktu majlis hampir tamat.
- viii. Apabila bersalam, janganlah terlampau lama hingga menyebabkan tetamu lain lama menunggu. Ada baiknya jika pada keesokan harinya hantarlah kad terima kasih kepada tuan rumah sebagai menghargai jemputan dan layanan tuan rumah.

Menjamu di Rumah

Majlis biasanya diadakan sama ada untuk meraikan seseorang ataupun semata-mata hendak merapatkan perhubungan antara tuan rumah dengan tetamu yang dijemput. Antara perkara yang perlu diambil perhatian adalah:

- i. Tentukan kehadiran mereka sama ada melalui telefon atau cara lain.
- ii. Bersihkan tempat-tempat penting seperti bilik air, tempat rehat dan tempat jamuan makan.
- iii. Aturkan tempat duduk mengikut cara yang sesuai.
- iv. Tentukan semuanya siap – makanan, minuman dan lain-lain – satu jam sebelum waktu tetamu dijangka tiba. Majlis makan hendaklah dimulakan selepas jam 8.00 malam.
- v. Apabila tetamu tiba, tuan rumah hendaklah menyambutnya, jangan dibiarkan tetamu datang tanpa disambut kerana tuan rumah sibuk membuat persiapan.
- vi. Apabila jamuan dimulakan, tuan rumah hendaklah sama-sama makan di meja, jangan sibuk ulang-alik ke dapur kerana ini kurang hormat kepada tetamu yang hadir.

Bagi tetamu yang dijemput ke rumah pula, perlulah mengambil ingatan beberapa perkara, antaranya:

- i. Sahkan kehadirannya sama ada melalui kad atau telefon.
- ii. Tiba hendaklah menepati waktu supaya tidak tertunggu-tunggu, bukan sahaja oleh tuan rumah tetapi juga oleh tetamu yang mungkin akan menjejaskan perjalanan majlis.
- iii. Elakkan dari merokok kerana dalam kumpulan kecil ini biasanya ramai yang tidak merokok.
- iv. Jika ada tetamu kehormat, mulakan makan apabila tetamu kehormat mula makan, jangan mula makan sebaik sahaja duduk tanpa menunggu tetamu kehormat atau tetamu utama.
- v. Apabila selesai makan, jangan terus balik, tunggulah tetamu kehormat balik baru ikut serta balik. Kalau tetamu kehormat balik, janganlah tunggu lama-lama lagi, hendaklah balik dengan mengucapkan terima kasih kepada tuan rumah.

Menjamu Tetamu di Luar Rumah

Seseorang yang hendak mengadakan jamuan di luar rumah seperti di hotel kerana meraikan sesuatu, perkara-perkara yang perlu diperhatikan adalah:

- i. Buat tempahan awal dengan peruntukan jenis makanan, bilangan, tarikh dan masa.
- ii. Selepas tempahan selesai, barulah jamuan dibuat. Cara jemputan boleh diedarkan kad yang sedia ada dengan mengisi tempat-tempat kosong yang perlu diisi. Jika masa terhad, bolehlah juga menjemput dengan telefon.
- iii. Bagi majlis seperti ini menu set yang paling sesuai iaitu yang telah ditetapkan kerana jika menggunakan cara *a la carte* akan banyak masa terbuang dan ada kalanya tersalah pilih dan termahal pula harganya dan susah hendak menentukan anggaran perbelanjaan.
- iv. Setelah selesai makan, jangan sekali-kali menjelaskan bayaran di meja makan di mana tetamu berada. Buatlah bayaran di kaunter jauh dari pandangan tetamu.

Jamuan Secara *Buffet*

Bentuk jamuan secara *buffet*:

- i. Makan secara berdiri.
- ii. Duduk di kerusi setelah mengambil makanan dan tidak ada meja disediakan.
- iii. Duduk di tempat yang telah ditetapkan (ada meja dan kerusi) setelah mengambil makanan.
- iv. Mengambil dan memilih jenis makanan sendiri.
- v. Mengambil makanan sendiri tetapi ada yang menyenduk atau kadangkala pihak penganjur hanya mengawal jenis-jenis makanan yang tertentu. Tujuannya ialah supaya semua tetamu memperolehi jenis makanan yang popular.

Jamuan secara *buffet* dibuat dengan beberapa sebab, iaitu:

- i. Membolehkan para tetamu beramah mesra antara mereka di samping menjamu selera.
- ii. Tetamu terlalu ramai dan tempat sempit.
- iii. Kekurangan kakitangan untuk menyediakan.

- iv. Jamuan berbentuk ringkas.
- v. Memberi peluang kepada tetamu untuk memilih makanan yang disukai atau yang digemari.

Tetamu yang menghadirimajlis *buffet* perlu mengambil perhatian tentang perka-perkara yang berikut:

- i. Jika tetamu terdiri daripada lelaki dan wanita, berilah laluan kepada tetamu wanita dahulu. Walau bagaimanapun, jika didapati bilangan tetamu lelaki terlampau kecil, maka eloklah diberi keutamaan kepada lelaki.
- ii. Jika ada tetamu kehormat utama sama ada lelaki atau wanita, hendaklah ia diberi keutamaan.
- iii. Mengambil makanan hendaklah mengikut giliran dan tidak berebut-rebut.
- iv. Dalam jamuan makan pula, pilihlah lauk-pauk yang sesuai dan jangan dipenuhi dengan lauk-pauk yang akhirnya tidak habis dimakan.
- v. Jangan terlalu lama di meja *buffet* untuk membuat pilihan kerana ini akan mengganggu aliran pergerakan tetamu.

- vi. Setelah selesai minum atau makan, letakkan bekas yang digunakan. Jika makan secara berdiri, letakkan di tempat yang telah disediakan atau di meja buffet jika tempat bekas yang telah digunakan tidak disediakan.